



Publication	Berita Harian	Section / Page	Online	Date	23/12/2021
Headline	Banjir; Takaful Malaysia Tawar Perkhidmatan Tunda Percuma				

KUALA LUMPUR: Syarikat Takaful Malaysia Am Bhd (Takaful Malaysia), anak syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd menyediakan perkhidmatan tunda percuma ke bengkel terdekat khusus untuk pelanggan takaful motor persendirian komprehensif yang terjejas akibat banjir di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohamed Sabri Ramli, berkata sebagai sebahagian daripada inisiatif penyedia insurans itu dalam menawarkan bantuan segera serta memudahkan proses bantuan kepada pemegang sijilnya, pelanggan juga boleh berhubung melalui WhatsApp.

"Kami mempunyai pengalaman secara langsung berurusan dengan pelanggan yang terjejas akibat banjir. Justeru, kami benar-benar memahami betapa besarnya impak terhadap kehidupan pelanggan yang bergelut dengan pasca bencana alam ini.

"Maka, inisiatif yang kami tawarkan melalui perkhidmatan tunda percuma ke bengkel terdekat kepada pelanggan kami adalah se-ruan untuk kami bertindak bagi meringankan bebanan kewangan dan kebimbangan mereka pada masa yang mencabar ini," katanya dalam satu kenyataan.

Pelanggan hanya perlu menghubungi talian bantuan Tele Bantuan 24 jam syarikat di 1800-888-788 atau memaklumkan melalui WhatsApp di 019-629 2680.

Mohamed Sabri berkata, syarikat itu juga akan mengaturkan serta mempercepatkan proses tuntutan pelanggan terjejas.

Katanya, objektif utama inisiatif berkenaan adalah untuk memudahkan proses tuntutan apabila berdepan dengan keadaan yang tidak pernah berlaku sebelum ini seperti krisis banjir semasa.

"Menjadi kewajipan kami sebagai penyedia takaful untuk membantu pelanggan dan memberikan perkhidmatan yang cemerlang agar kerugian dihadapi dibayar dengan pampasan setimpal bagi membantu mereka untuk kembali pulih," katanya.